

# Mesyuarat Kabinet pertama secara maya

**Putrajaya:** Mesyuarat Kabinet pertama tahun ini mencatat sejarah tersendiri apabila berlangsung secara digital sepenuhnya semalam.

Perkara itu dikongsikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin dalam catatan masing-masing di media sosial.

Mohd Zuki berkata, pendekatan itu menunjukkan kerajaan komited ke arah pembangunan lestari seperti digaris menerusi Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

“Mesyuarat Jemaah Menteri yang pertama bagi 2021 buat kali pertama diadakan secara digital sepenuhnya,” katanya yang turut menyertakan gambar suasana mesyuarat berlangsung bersama peranti elektronik.

Beliau berkata, perubahan ini jelas memperlihatkan iltizam dan komitmen kerajaan untuk terus melaksanakan inisiatif serta program pembangunan.

“Ia demi tingkat kesejahteraan



**Perubahan ini jelas memperlihatkan iltizam dan komitmen kerajaan untuk terus melaksanakan inisiatif serta program pembangunan.**

**Mohd Zuki Ali,**  
Ketua Setiausaha Negara

dan kebajikan rakyat yang akan terus diutamakan,” katanya.

Mohd Zuki berkata, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mempengerusikan mesyuarat Kabinet semalam, turut menekankan kerajaan perlu menitikberatkan peningkatan kualiti kesihatan awam.

“Perdana Menteri turut mahu pengukuhan ekonomi negara dilakukan melalui pelaksanaan Belanjawan 2021, memastikan kestabilan politik, keharmonian antara kaum dan kedaulatan negara sentiasa dipelihara,” katanya.

Khairy pula berkata, Kabinet Malaysia akhirnya dijalankan tanpa kertas sepenuhnya semalam.

“Selepas peralihan selama enam bulan dengan kami masih menerima kotak kertas fizikal setiap minggu, hari ini (semalam) sudah tidak ada. Segala-galanya di pelayan (server) selamat yang dapat diakses oleh peranti kami. Lebih baik lewat daripada tidak pernah!” katanya menerusi akaun Twitter miliknya.